

| | | | |
|------------|----------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | TH serah zakat RM5.63 juta | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia | | |
| Date | 17 Apr 2015 | Color | Full Color |
| Section | Dlm Negeri | Circulation | 178,211 |
| Page No | 27 | Readership | 534,633 |
| Language | Malay | ArticleSize | 173 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,419 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,258 |



TH serah zakat RM5.63 juta

PUTRAJAYA 16 April - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM5.63 juta bagi tahun kewangan 2014 kepada Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan di sini, semalam.

Zakat tersebut disampaikan oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Tan Sri Ismee Ismail kepada Pengurus Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), Datuk Che Mat Che Ali.

Penyerahan wang zakat itu turut disaksikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha.

Dalam pada itu, Tabung Haji dalam kenyataannya memak-

lumkan, pembayaran zakat bagi Wilayah Persekutuan mencatatkan peningkatan sebanyak 11.6 peratus berbanding RM5,044,962.84 pada tahun sebelumnya.

“Jumlah keseluruhan zakat perniagaan Tabung Haji untuk tahun kewangan lalu yang akan dibayar kepada pusat-pusat pungutan zakat di semua negeri adalah bermilai RM49.87 juta berbanding RM46.29 juta pada tahun lalu.

“Peningkatan jumlah keseluruhan pembayaran zakat ini sejajar dengan prestasi dan pencapaian keseluruhan TH yang memberangsangkan pada tahun lalu,” jelas kenyataan itu.

Katanya, Wilayah Persekutuan merupakan negeri kesembilan dalam siri jelajah penyerahan zakat perniagaan Tabung Haji tahun ini.



ISMEE ISMAIL (kiri) menyerahkan zakat perniagaan Tabung Haji kepada Che Mat Che Ali (dua kanan) sambil disaksikan oleh Jamil Khir Baharom (dua kiri) dan Othman Mustapha di Kuala Lumpur semalam.